

**SESI PERKONGSIAN ILMU:  
PENJANAAN DAN PENGURUSAN E-CERTIFICATE**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021  
HARI : KHAMIS  
MASA : 2.30 – 4.00 PETANG  
ANJURAN : PTAR UiTM BERTAM

**NOORBAIZURA MAZLAN**  
Pembantu Pustakawan  
PTAR UiTM Shah Alam

Terbuka kepada semua warga UiTM CPP  
Jam Latihan ICT disediakan

<http://penang.library.uitm.edu.my> | Perustakaan Uitm Bertam | ptarbertam

PTAR UiTM Kampus Bertam telah menganjurkan satu sesi e-Latihan Sesi Perkongsian Ilmu: Penjana dan Pengurusan e-Sijil pada hari Khamis, 30 September 2021. Sesi ini terbuka kepada semua warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dan dijalankan menggunakan platform Google Meet.

Panel Jemputan bagi Sesi Perkongsian Ini ialah Cik Noorbaizura Mazlan, Pembantu Pustakawan di PTAR UiTM Shah Alam, manakala Moderatonya ialah pelajar latihan industri PTAR iaitu Cik Nur Shakirah Binti Mohd Redha. Sesi ini telah dihadiri oleh seramai 46 warga kampus UiTM Pulau Pinang.

Sesi perkongsian ini memberi pendedahan kepada para peserta langkah-langkah untuk penjana e-sijil menggunakan Gmail UiTM dan aplikasi 'Auto Crat'. Panel juga berkongsi tips untuk menguruskan e-sijil yang dihasilkan seperti cara merekodkan e-sijil dan pengurusan statistik. Panel juga berkongsi pengalaman beliau dalam mengendalikan beberapa masalah yang dihadapi dalam menjana dan menguruskan e-sijil ini.

Antaranya, e-sijil tidak dapat dijana secara automatik semasa kesesakan 'traffic' iaitu ramai peserta mengisi Google Form kehadiran pada masa yang sama. Rata-rata peserta berpuas hati dengan sesi perkongsian ini dan memohon diadakan sesi secara 'hands-on' bagi meningkatkan lagi kefahaman mereka dalam menjana dan menguruskan e-sijil ini. Terima kasih kepada panel jemputan dan semua peserta yang telah mengambil bahagian.

